


# Selamat Hari Raya Aidilfitri

1435 HJRAH / 2014



عيد الفطر

Maaf  
Zahir  
& Batin





## Selamat Hari Raya Aidilfitri

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahitaala  
wabarakatuh dan Salam Bahagia**

Dengan salam tulus dan ikhlas, saya dan isteri mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Aidilfitri tahun 1435 hijrah bersamaan tahun 2014 kepada seluruh Muslimin dan Muslimat di negeri Selangor dan juga di Malaysia.

Saya dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Selangor memanjatkan kesyukuran ke atas hadrat Allah SWT kerana memberi kesempatan kepada kami untuk meneruskan pentadbiran penggal kedua di negeri ini.

Insyallah dengan sokongan rakyat kita dapat menjayakan pelbagai program dan aktiviti demi kesejahteraan penduduk dan kemakmuran negeri ini yang kita kasih.

Sejak menerajui Kerajaan Negeri ini pada Mac 2008, kami sedar penduduk di negeri yang maju dan terkaya ini sebenarnya berhak menikmati limpahan hasil negeri melalui dasar Merakyatkan Ekonomi Selangor yang dilancarkan pada Jun 2008.

Pelbagai program, skim dan insentif dilaksanakan bagi manfaat anak jati Selangor dan rakyat negeri lain yang juga menetap di Selangor.

Hakikatnya sekitar 4 juta orang dari lebih 5.7 juta penduduk di negeri Selangor menerima manfaat sekurang-kurangnya 1 program atau skim dasar MES.

Pemberian air 20 meter padu percuma setiap bulan adalah bantuan yang dinikmati oleh semua lapisan penduduk di rumah kediaman yang bermeter individu.

Golongan berpendapatan di bawah RM5000 sebulan menikmati pelbagai bantuan yang disediakan, misalnya mereka layak memohon rumah mampu milik yang sedang dibina di beberapa daerah.

Bantuan dalam bentuk latihan dan kemahiran pula diberikan kepada golongan belia, penganggur, ibu tunggal, Orang Kelainan Upaya (OKU), pesara dan Orang Asal bagi membolehkan mereka berniaga secara kecil-kecilan atau memohon pekerjaan yang sesuai.

Usaha dan tindakan ini dilakukan disebabkan golongan ini terus terbeban dengan kenaikan harga barangan dan perkhidmatan yang masih gagal disekat oleh pihak berwajib.

Pendek kata, pelbagai segmen dalam masyarakat majmuk di negeri ini boleh mendapatkan bantuan kewangan, bantuan pendidikan, bantuan pembinaan keluarga, bantuan rumah ibadat, kawalan keselamatan dan penjagaan kesihatan.

Mulai tahun 2014 ini beberapa program baru dilancarkan, antaranya program memperkasakan program kampung-kampung tradisi dan kampung baru. usaha ini dilakukan bagi meningkatkan pendapatan per kapita penduduk luar bandar agar setanding penduduk di bandar.

Tambahan pula, kajian kami mendapati program pembangunan luar bandar oleh Kerajaan Pusat, gagal meningkatkan pendapatan rakyat di luar bandar atau di desa.

Penduduk di bandar-bandar pula mula menikmati kemudahan seperti akses wifi, perkhidmatan bas percuma, laluan basikal dan membeli barang-barang keperluan di tapak-tapak pasar tani.

### **Muslimin dan Muslimat sekalian,**

Sebagai peneraju Kerajaan Negeri yang terkaya dan termaju, saya wajar mengingatkan diri saya dan rakyat supaya kita menghormati institusi raja berperlembagaan sebagai pemerintah negeri ini dan sebagai barisan pemimpin yang menerajui kerajaan negeri sekarang.

Allah berfirman dalam surah Al-Nisa, ayat 59, yang

antara lain maksudnya: "Wahai orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul, juga taatilah para penguasa. Apabila kamu berselisih faham dalam satu-satu perkara, kembalilah kepada Allah, dan al-Quran dan Rasulnya."

Berdasarkan situasi di negeri selangor yang penduduknya berbilang kaum dan berbilang agama, di kesempatan ini saya merayu kepada setiap warga negeri ini supaya hormat-menghormati, bersikap adil dan tidak menghina adat dan sembah keturunan atau agama masyarakat lain.

Sebagai orang islam kita mestilah mematuhi maksud perintah Allah dalam surat al-Hujarat, ayat 12, bahawa Allah SWT melarang manusia bersikap buruk sangka, berhasad dengki dan memfitnah. Manakala pada ayat 13, Allah mengingatkan bahawa Dia mencipta manusia dari jenis lelaki dan perempuan dalam pelbagai bangsa dan suku kaum supaya kita saling mengenal.

Dalam bidang politik pentadbiran pula, pemimpin sentiasa bersilih ganti, manakala kerajaan yang memerintah kerap bertukar corak dan gaya. Bagaimanapun peralihan pemimpin dan kerajaan terbukti lebih lancar dan menguntungkan rakyat dan negara sekiranya ditentukan majoriti rakyat melalui pemilihan umum.

Akhir kata, sebagai tanda simpati dan meginsafi bencana yang menimpa umat islam marilah kita menyumbang menurut kemampuan disamping berdoa ke hadrat Allah agar melindungi dan merahmati mereka dalam perjuangan mempertahankan agama dan tanahair.

**Selamat Hari Raya Aidilfitri, maaf zahir dan batin.**

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim  
YAB Dato' Menteri Besar Selangor**



Kerajaan Negeri dan seluruh rakyat Selangor merakamkan salam takziah kepada ahli keluarga yang terlibat dalam kemalangan pesawat Penerbangan Malaysia MH17 yang terhempas di sempadan Ukraine-Rusia. Kita mengharapkan Kerajaan Malaysia menghantar mesej yang kuat kepada masyarakat antarabangsa agar pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam tragedi ini menerima hukuman setimpal dengan perbuatan tidak berperikemanusiaan ini.





PERCUMA 25 Julai - 1 Ogos 2014, 27 Ramadan - 5 Syawal 1435



**EKSKLUSIF**  
Wawancara bersama  
Menteri Besar

muka 5

**Ahli politik**  
persenda rakyat  
Selangor

muka 6

**Hadi: Jihad sering jadi**  
sebutan, tetapi tidak  
difahami

muka 7



## RESTU...

**DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, berkenan mencemar duli merasmikan Masjid Bandar Bukit Puchong dan berbuka puasa bersama rakyat. Dalam majlis itu, Baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan Hari Raya kepada anak yatim dan fakir miskin**

Gambar oleh Asrie Sapfie

Perlu mandat, reformasi bukan untuk kepentingan diri

# MB: Jangan peralat rakyat untuk agenda politik

OLEH NAZLI IBRAHIM

**SHAH ALAM** - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim tidak mahu rakyat Selangor diperalat sebagai batu loncatan ke Putrajaya bagi memenuhi agenda politik.

Beliau mengakui Pakatan Rakyat perlu bercita-cita untuk terus berkembang dengan menjadikan Selangor sebagai asas pelancaran untuk ke Putrajaya.

Bagaimanapun, katanya, Pakatan Rakyat perlu memberitahu rakyat Selangor yang mungkin

**Kita mestilah mempertahankan prinsip. Kita menjalankan satu reformasi untuk kepentingan rakyat bukan untuk kepentingan 'diri sendiri'**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

tidak memikirkan negeri itu akan dijadikan sebagai alat.

"Kalau ini (asas ke Putrajaya) hendak dijadikan, adalah baik bagi Pakatan meminta mandat semula kepada rakyat Selangor.

"Kita mestilah mempertahankan prinsip. Kita menjalankan satu reformasi untuk kepentingan rakyat bukan untuk kepentingan 'diri sendiri', katanya pada temu bual khas bersama SelangorKini.

Sebelum ini, Datuk Seri Anwar Ibrahim pernah mengumumkan untuk menjadikan Selangor sebagai asas pelancaran ke Putrajaya

ketika memulakan pelan Langkah Kajang.

Bagaimanapun, ia tersekat berikutan Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat (PKR) itu tidak boleh bertanding Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang, sebaliknya diwakili isterinya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail.

Pada temu bual itu, Abdul Khalid turut ditanya mengenai dakwaan berkaitan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) yang dikatakan mendekati individu dalam PKR untuk mendapat penyelesaian

berpihak kepada syarikat itu.

"Jika itu berlaku, bermakna parti membenarkan seseorang melobi ke atas keputusan yang dibuat Kerajaan Negeri.

"Ini membelakangkan tujuan memberikan kuasa rakyat dapat kebaikan dan pentadbiran yang telus dan bertanggungjawab," katanya.

Beliau mahu hal itu dihindar dan menyerahkan urusan itu kepada Kerajaan Negeri untuk menentukan pembelian konsesi air dibuat dengan harga munasabah dan menguntungkan rakyat.

## Kemelut kerusi MB jejasakan sokongan PRU-14

**SHAH ALAM** - Prestasi Pakatan Rakyat (PR) pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) bakal terjejas jika kemelut penukaran Menteri Besar Selangor tidak dijalankan secara tertib.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, Enakmen Kerajaan Negeri Selangor memperakui bahawa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor adalah penentu individu yang akan mengepalai pentadbiran kerajaan Selangor.

“Kalau perkara ini tidak diselesaikan dengan penuh tertib dan penuh adab, tentulah ia jejasakan bukan sahaja Pakatan di Selangor tetapi (keseluruhan) Pakatan pada PRU-14.

“Saya berdoa dan berharap perkara ini diselesaikan dengan penuh tertib dan bertanggungjawab, mengikut lunas Enakmen Kerajaan Negeri Selangor,” katanya.

Beliau berkata, semua pihak mesti menerima hakikat bahawa Selangor ada tata-

cara pelantikan yang penuh tertib dalam Enakmen Kerajaan Negeri Selangor.

“Rakyat perlu meneliti dengan penuh bertanggungjawab dan jangan pula mengikuti berita fitnah ataupun berita tidak benar

“Sudah tentu Kerajaan Negeri dan pihak DYMM Sultan Selangor akan mengikuti tatacara itu dengan penuh tertib dan penuh bertanggungjawab,” katanya.

Beliau berkata, corak pentadbiran sedia

ada disokong rakyat berdasarkan peningkatan jumlah kerusi Pakatan pada PRU-13 pada 2013.

Katanya, Pakatan mengukuhkan kedudukan sebagai kerajaan dengan majoriti dua pertiga apabila menang 44 berbanding 36 kerusi kerusi pada 2008, daripada keseluruhan 56 kerusi.

“Ini adalah pilihan rakyat. Oleh sebab itu, PKR perlu meneliti dari segi pemilihan rakyat,” katanya.

## Tun Ismail didik saya sifat amanah

**SHAH ALAM** - Setiap 1 Syawal, selain menziarahi pusara ibu bapa, Tan Sri Khalid Ibrahim tidak pernah lupa mengunjungi pusara Tun Ismail Mohd Ali (*gambar*).

Ismail ialah Gabenor Bank Negara kedua yang berperanan menanam sifat amanah dan budaya kerja berintegriti dalam diri Menteri Besar Selangor itu.

Allahyarham ialah gabenor paling lama pernah berkhidmat iaitu selama 18 tahun dari 1962 hingga 1980.

Ismail adalah anak watan pertama yang memegang jawatan itu yang sebelumnya diisi ekspatriat luar negara.

Selepas bersara, Ismail dilantik sebagai Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB) sebelum kembali ke rahmatullah ketika berusia 80 tahun pada 6 Julai 1998.

“Saya sangat bersyukur kerana mempunyai ibu bapa yang menjaga saya dengan penuh tanggungjawab dan tertib. Setiap tahun, saya membawa keluarga untuk melawat pusara mereka.

“Salah satu lagi pusara yang saya ziarahi ialah bekas ketua saya, Tun Ismail. Saya bekerja dengan Tun semasa beliau Pengerusi PNB. Saya ketika itu Ketua Eksekutifnya.

“Saya bekerja dengannya selama 18 tahun. Beliau banyak mendidik saya supaya menjadi orang yang amanah. Harta paling penting bagi kami ialah amanah yang diberi rakyat,” katanya.



## Gemar main meriam buluh walau berisiko

**K**aboommm!!! Begitulah bergempita letusan meriambuluh memecah kesunyian malam di Kampung Jalan Abdullah, Kuala Selangor.

Itu antara kenangan yang tidak dapat dilupakan seorang budak kampung setiap kali sambutan Aidilfitri, kira-kira 50 tahun lalu.

Dan siapa sangka, kanak-kanak ‘nakal’ itu kini seorang Menteri Besar Selangor - Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Beliau dan rakan sebaya tidak lekat rumah, sebaliknya menghabiskan masa bermain di luar, sama ada meriam buluh ataupun sekadar main lari-lari bersama-sama.

“Berbeza sekarang, dulu kita tidak punya kesempatan melihat televisyen warna yang adakalanya lebih besar dari layar wayang yang ada sekarang.

“Kami merayakan bukan sahaja hari raya itu sendiri, tetapi juga malam tujuh likur dengan bermain meriam buluh yang sangat berisiko pada waktu sekarang.

“Kedua, berlari-lari di halaman kerana aktiviti dalam rumah tidak banyak, tetapi aktiviti di luar rumah adalah banyak dan menggalakkan.

“Sekarang, anak-anak muda ada televisyen warna dan permainan elektronik,” kata Abdul Khalid yang mengharungi kehidupan tipikal budak kampung.

Paling tidak dilupai Abdul Khalid,

“

**Dapat duit itu saya menyimpan dalam buku pejabat pos, kemudian cukup duit nanti boleh beli kasut dan baju**

**ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

beberapa hari sebelum menjelang Syawal ialah membantu mengacau dodol sehari suntuk.

“Paling saya suka walaupun agak teruk ialah mengacau dodol. Bia-sanya memakan masa lebih lapan jam dari pagi sampai malam.

“Lagi lama mengacau dodol, lagi teruk sebab dodol jadi lebih kental dan memerlukan lebih banyak tenaga.

“Selepas berbuka puasa, kita akan bekerja kuat untuk

mengacau dodol,” katanya pada temu bual khas sempena sambutan Aidilfitri.

Seperti kelaziman kanak-kanak lain, Abdul Khalid turut rajin mencari duit raya, malah ia bagaikan agenda wajib.

“Kita gembira dapat pemberian (duit raya) dari ahli keluarga. Tetapi dahulu tak banyak, tak pakai ringgit. Cuma 50 sen atau paling banyak 70 sen.

“Dapat duit itu saya menyimpan dalam buku pejabat pos, kemudian cukup duit nanti boleh beli kasut dan baju,” katanya yang sinonim amalan berjimat.

Juadah kegemarannya pula selain rendang daging atau ayam, Abdul Khalid paling tidak dapat lupai, keenakan rendang kerang air tangan ibunya.

“Rendang kita penuh dengan santan. Kalau sekarang tentu dianggap tinggi kolestrol, tetapi pada masa itu seronok dimakan dan memberi kita tenaga untuk bermain,” katanya.

Semua kenangan sebagai anak kampung sudah lama ditinggalkan. Abdul Khalid kini menjalani rutin sebagai seorang pemimpin nombor satu di Selangor.

Beliau menganggap dirinya bertuah kerana berpeluang menjalani ibadah puasa, tarawih dan aktiviti lain bersama Duli Yang Maha Mulia Sultan Sharafuddin Idris Shah.

“Ini memberikan saya peluang, bukan sahaja menjalankan ibadah tetapi juga dapat bersama rakyat di seluruh negeri.

Ini perkara yang perlu diteruskan untuk menunjukkan tiada ruang antara pemerintah dan rakyat,” katanya.



# Q&A

Bersama  
**TAN SRI KHALID IBRAHIM**

Sempena menjelang sambutan Aidilfitri, ketika politik Selangor hangat diperkata pelbagai pihak, wartawan Selangor Kini, **Nazli Ibrahim** secara eksklusif menemu bual Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim yang gemar membahasakan diri sebagai kita

## Bagaimana aktiviti puasa dan hari raya sebagai Menteri Besar?

Saya rasa sangat bertuah kerana dapat bekerja di bawah Sultan Selangor yang bersedia menjalankan aktiviti bersama rakyat, iaitu bersembahyang di lebih 19 masjid, mengadakan program sumbangan sewaktu berbuka puasa, bersolat Maghrib, Isyak dan bertarawih 20 rakaat.

Ini memberi peluang bukan sahaja beribadah, tetapi juga dapat bersama rakyat di seluruh negeri. Ini perlu diteruskan untuk menunjukkan tiada ruang antara pemerintah dan rakyat.

## Apakah kenangan Aidilfitri zaman kanak-kanak yang paling diingati?

Masa kanak-kanak sudah tentulah berasa lebih bebas dan ceria kerana kita rasa gembira, tidak terikat kepada adat dan tertib.

Bagaimanapun (berbeza) sekarang, dulunya kita tidak punya kesempatan untuk melihat tv warna yang adakalanya lebih besar daripada layar wayang, tetapi sekarang ada TV warna dan permainan elektronik.

Kami merayakan bukan sahaja Hari Raya, tetapi malam tujuh likur dengan bermain meriam buluh yang sangat berisiko pada waktu sekarang. Kedua, berlari-lari di halaman kerana aktiviti dalam rumah tidak banyak untuk dilakukan.

## Aktiviti lain yang digemari?

Pertama, yang paling saya sukai walaupun agak teruk adalah mengacau dodol. Mengacau dodol biasanya memakan masa

lebih lapan jam. Kita mengacau dodol dari pagi sampailah hampir malam baru selesai. Lagi lama mengacau dodol, lagi teruk sebab dodol jadi lebih kental dan memerlukan lebih banyak tenaga. Selepas berbuka puasa, kita akan bekerja kuat untuk mengacau dodol tersebut.

Kedua, kita gembira mendapat pemberian (duit raya) dari ahli keluarga, tetapi tak banyak. Dahulu tak pakai ringgit, cuma beberapa puluh sen, 50 sen atau paling banyak 70 sen, tetapi boleh beli nasi lemak dan juga air teh dan adakalanya roti canai.

Maknanya tidaklah banyak, tetapi saya digalakkan kalau dapat duit itu saya simpan dalam buku pejabat pos, kemudian cukup duit boleh beli kasut dan baju.

## Apakah juadah hari raya paling disukai?

Saya sudah tentu suka dengan ketupat dan kuah kacang. Selain itu, dari tahun ke tahun keluarga bersama-sama mem bakar lemak dan rendang, tetapi di Kuala Selangor, rendang bukan sahaja rendang daging dan rendang ayam, tetapi kita juga buat rendang kerang.

Oleh kerana kita adalah kawasan tanaman kelapa, rendang kita penuh dengan santan. Kalau sekarang tentu dianggap tinggi kolestrol, tetapi pada masa itu seronok dimakan dan memberi kita tenaga dan kekuatan untuk bermain dan merayakan Hari Raya.

## Selain ibu bapa, pusara siapa yang diziarahi?

Saya sangat bersyukur kerana mempunyai ibu bapa yang menjaga penuh tang-

gungjawab dan tertib. Almarhum ayah dan ibu mendidik dan setiap tahun saya membawa keluarga untuk melawat pusara dan berdoa supaya Allah memberi rahmat.

Satu lagi pusara yang saya lawati adalah bekas ketua saya, Tun Ismail Ali. Saya bekerja dengan Tun yang pernah menjadi Gabenor Bank Negara. Beliau adalah pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan saya adalah Ketua Eksekutifnya.

Saya bekerja dengannya selama 18 tahun. Beliau mendidik saya supaya menjadi orang yang boleh diamanah dan boleh dipercayai. Harta paling penting bagi kami ialah amanah yang diberi rakyat.

## Bagaimana menghadapi tekanan sebagai seorang Menteri Besar?

Perkara ini tidaklah saya anggap saya tahu apabila memasuki politik. Bagaimanapun saya tahu menyertai politik memanglah mencabar daripada pekerjaan sektor swasta, tetapi saya anggap ia cabaran kepada pemimpin yang ingin menegakkan prinsip.

Kerana itu, kita mestilah mempertahankan prinsip dan kita dapat menjalankan satu reformasi untuk kepentingan rakyat, bukan untuk kepentingan diri kita sendiri. Jadi perkara yang berlaku, saya anggap cabaran kepada mereka yang ingin menegakkan keadilan dan kebenaran.

## Pandangan Tan Sri dalam isu penukaran Menteri Besar?

Rakyat Selangor pada Mei 2013 memilih pasukan yang diketuai saya sebagai Menteri Besar di bawah panji Pakatan Rakyat (Pakatan). Kita berhasil meningkatkan kerusi Pakatan pada PRU-12 daripada 26 kepada 44 kerusi daripada 56 kerusi yang ditandingi. Bererti kita dapat melonjak penguasaan

**Saya berdoa perkara ini dapat diselesaikan dengan penuh tertib dan bertanggungjawab dan mengikut lunas Enakmen Kerajaan Negeri Selangor. Ini kerana Enakmen Kerajaan Negeri Selangor memperakui bahawa Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor adalah penentu orang yang akan mengepalai pentadbiran negeri Selangor iaitu menjadi Menteri Besar**

hingga melebihi tahap dua pertiga kerusi di Dewan Undangan Negeri.

Ini pilihan rakyat. Sebab itu Parti Keadilan Rakyat (PKR) perlu meneliti dari segi pemilihan rakyat. Adalah perlu walaupun Pakatan ada bercita-cita untuk menggunakan Selangor sebagai asas pelancaran ke Putrajaya tetapi penting untuk memberitahu rakyat bahawa rakyat Selangor mungkin tidak memikirkan Selangor akan digunakan sebagai alat ke Putrajaya.

Walaupun rakyat ber-setuju bahawa Pakatan terus berkembang tetapi tidak boleh diperalatkan untuk dijadikan batu loncatan kepada Putrajaya. Kalau ini nak dijadikan adalah baik meminta mandat semula kepada rakyat Selangor.

## Berdasarkan situasi sekarang, bagaimana agaknya prestasi Pakatan pada PRU-14?

Kalau perkara ini tak diselesaikan dengan penuh tertib dan penuh adab, sudah tentulah ini menjejaskan bukan sahaja PR di Selangor, tetapi PR di PRU-14. Jadi, saya berdoa perkara ini dapat diselesaikan dengan penuh tertib dan bertanggungjawab dan mengikut lunas Enakmen Kerajaan Negeri Selangor.

Ini kerana Enakmen Kerajaan Negeri Selangor memperakui bahawa Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor adalah penentu orang yang akan mengepalai pentadbiran negeri Selangor iaitu menjadi Menteri Besar.

**Ada ura-ura mendakwa Splash mendekati individu dalam PKR bagi mendapat penyelesaian yang berpihak kepada Splash dalam isu pengambilalihan konsesi air. Benarkah dakwaan ini?**

Sama ada dakwaan ini benar atau tidak, tetapi dia akan mencerminkan bahawa jika itu berlaku bermakna mana-mana parti yang membenarkan orang boleh melobi ke atas keputusan yang dibuat Kerajaan Negeri, bererti membelakangkan tujuan memberi kuasa rakyat untuk dapat kebaikan dan pentadbiran yang tulus dan bertanggungjawab.

Saya rasa perkara ini perlu dihindarkan dan berilah keupayaan kepada pentadbiran untuk mencari jalan supaya dapat menentukan pembelian konsesi air ini dibuat dengan harga berpatutan, munasabah dan mestilah menguntungkan rakyat.

## Dalam kemelut sekarang, apakah mesej kepada rakyat?

Saya rasa rakyat Selangor perlu meneliti dengan penuh bertanggungjawab dan jangan pula mengikuti berita fitnah atau tidak benar. Tetapi saya rasa rakyat Selangor mesti menerima hakikat bahawa Selangor mempunyai tatacara pelantikan yang penuh tertib dalam Enakmen Kerajaan Negeri Selangor.

Saya percaya sudah tentu Kerajaan Negeri dan juga pihak DYMM Sultan Selangor akan mengikuti tatacara dengan penuh tertib dan bertanggungjawab.

**Kita mestilah mempertahankan prinsip dan kita dapat menjalankan satu reformasi untuk kepentingan rakyat, bukan untuk kepentingan diri kita sendiri. Jadi perkara yang berlaku, saya anggap cabaran kepada mereka yang ingin menegakkan keadilan dan kebenaran**

Jangan 'langkah' restu rakyat jika tak mahu pengundi berseteru

**K**ebela-kangan ini, banyak pihak berkepentingan



Selangorkini  
**EDITORIAL**

menjaja nama 'rakyat' demi kelangsungan politik masing-masing, baik Barisan Nasional (BN) mahupun Pakatan Rakyat.

Ini bukan budaya sihat.

Menggunakan nama rakyat untuk menghalalkan perbuatan politik tak ubah seperti memijak al-Quran untuk menjadikan agama tampak 'tinggi'.

Namun, ia semacam menjadi trend di kalangan politikus - kedua-dua pihak. Dan rakyat sebahagiannya terpesona dan terkagum tanpa sedar diri dipermainkan, diper-

Dalam konteks Selangor, jika keputusan Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) dijadikan ukuran, bermakna dua pertiga rakyat bersetuju Pakatan diterima berbanding BN.

Itu fakta.

Namun, tidak semestinya mereka bersetuju dalam idea sama ada Selangor wajar dijadikan tapak pelancaran ke Putrajaya.

Jika menyatakan rakyat bersetuju semata-mata bersandarkan keputusan PRU13, itu bukan fakta sebaliknya hujah spekulasi.

Mungkin, mereka mengundi Pakatan kerana gembira dengan pencapaian negeri, khususnya dalam isu

kebijakan. Tidak semestinya bersetuju dalam isu lain.

Jadi, tepat atau tidak kenyataan di atas, tiada siapa yang tahu - sama seperti kita tidak tahu sama ada rakyat mahu terlibat dengan idea Selangor sebagai tapak pelancaran meskipun penyokong dalam kalangan Pakatan.

Oleh itu, mandat perlu dipulung kepada rakyat supaya pemimpin politik akur kehendak rakyat dan tidak bertindak tanpa restu.

Kita tentu tidak mahu politikus memandai-mandai merencana idea, membuat langkah itu ini tanpa peduli selera rakyat termasuk isu penukaran Menteri Besar.

Rakyat mengundi kerana yakin dengan kepimpinan sebelumnya. Belum tentu bersetuju dengan kepimpinan baru yang dicadang atau disogok-sogok.

Demi memastikan tidak akan berlaku 'silap langkah', lebih baik minta restu rakyat sebelum mereka menunjukkan riak seteru.

Politikus jangan sesekali melangkah-langkah apatah lagi memijak kepala rakyat yang kononnya mahu mereka bela.

*Ketua Pengarang*

# Ahli politik persenda rakyat Selangor

OLEH EDMUND  
BOON TAI SOON

**K**risis perlembagaan dalam pembikinan (in the making)? Demi rakyat Selangor, saya harap tidak.

Sepertimana BN dalam kes Nizar di Perak, parti dengan 'angka' paling kecil, PKR kini memulakan usaha menguji had Undang-Undang Perlembagaan Selangor, atau lebih dikenali sebagai Perlembagaan Selangor. Tidak seperti kes Nizar, 'ancaman' kepada MB sekarang, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim boleh dikatakan bukan dari luar Pakatan Rakyat (PR), tetapi dari dalam PKR.

Bagaimanapun seperti Nizar, ia tidak kelihatan bahawa majoriti besar pengundi yang waras dan berfikiran matang mahu melihat Menteri Besar yang sedia ada ini digantikan dengan yang lain.

Salah satu kegagalan sistem pilihan raya kita ialah rakyat Malaysia tidak dapat menentukan secara terus siapa Perdana Menteri atau Menteri Besar yang mereka mahukan. Kuasa menentukan PM terletak di tangan Ahli Parlimen, manakala penentuan Menteri Besar pula terletak di tangan ahli Adun.

Saya percaya ini perlu diubah dengan mengambil kira gurauan (prank) yang ahli parlimen dan Adun sering mainkan ke atas kita, terbaru perletakan jawatan bekas Adun Kajang, Lee Chin Cheh yang dilakukan tanpa sebarang alasan kukuh. Perlembagaan Persekutuan dan Negeri harus diperbaharui untuk membolehkan pilihan secara terus berlaku.

Kembali kepada isu yang ada sekarang, adakah akan muncul krisis perlembagaan di Selangor jika Abdul Khalid tekad mempertahankan jawa-

tannya? Mungkin, ini bukan soalan yang tepat.

Soalan yang paling tepat ialah adakah akan muncul krisis itu jika Abdul Khalid memutuskan untuk melepaskan jawatannya? Kalian tentukanlah selepas membaca bayangan situasi berikut.

1. Abdul Khalid letak jawatan sebagai Menteri Besar. Dia juga perlu meletakkan jawatan sebagai Exco. Dia tidak menyatakan sebarang alasan untuk peletakan jawatannya. Dia tidak menasihati DYMM Sultan tentang apa yang perlu dilakukan selepas itu.

Sultan mungkin akan melantik Menteri Besar baru yang beroleh majoriti kepercayaan di Dewan Negeri atau Sultan mungkin akan bubarkan Dewan Negeri untuk pilihan raya semula. Memandangkan wujud penyakit berpuak-puak dalam PKR, agak mustahil Sultan akan melantik MB dari PKR. Lagipun PKR merupakan minoriti dalam PR.

2. Abdul Khalid hilang majoriti di Dewan Negeri, selepas dibuktikan dengan 'floor vote' atau satu rang undang-undang penting negeri yang dikalahkan. Ini hanya akan berlaku jika Adun DAP dan/atau PAS mengkhianati PKR. PKR sendiri tidak mempunyai jumlah kerusi yang cukup. BN juga mungkin mahu

mencuba masuk gelanggang.

Abdul Khalid nasihatkan Sultan untuk membolehkan DUN untuk membolehkan pilihan raya semula. Untuk kekal atas politik partisan Sultan dijangka bersetuju dengan permintaan itu. Jika Sultan tidak berkenan, maka Abdul Khalid dan Exco harus letak jawatan untuk Sultan



melantik Menteri Besar lain. Sekali lagi, pelantikan MB daripada PKR nampaknya seperti tidak mungkin berlaku.

Dalam percutaran di atas (dan ada beber-

apa lagi) kita tidak boleh menolak muslihat BN untuk kembali merampas negeri ini daripada rakyat dan PR tanpa memerlukan pilihan raya negeri. Ini berlaku di Perak sewaktu pengulingan Nizar. Sekarang, bukan sahaja rakyat Selangor marah, kesabaran Tuanku juga teruji dan ini tidak akan membawa kebaikan kepada PR pada masa hadapan.

Dalam hal ini, jika konflik berterusan, saya mencadangkan agar DUN dibubarkan dan biar rakyat sahaja menghukum PKR.

Saya boleh simpulkan di sini bahawa Abdul Khalid - tidak seperti Nizar - adalah dalam posisi kukuh untuk terus bertahan. Dan itu hanya untuk PR kehilangan negeri Selangor.

Bagaimanapun ada dua lagi pilihan untuk Abdul Khalid ambil sekarang sebelum Pilihan Raya Kecil (PRK) Kajang untuk mengukuhkan pengaruhnya. Apakah anda ingin tahu pilihan-pilihan itu?

DIPETIK DARI  
LOYARBURUK.COM  
TERJEMAHAN  
LIZAWATI MADFA

## Selangor Kini

### SIDANG PENGARANG

**PENASIHAT:** Faekah Husin  
Arfa'eza Abdul Aziz

**KETUA PENGARANG:** Fazallah Pit

**PENGARANG BERITA:** Hafizh Mokhtar **PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim

**WARTAWAN:** Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Naeem Raffi: naeemraffi85@gmail.com,

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Lizawati Madfa: lizalyn84@gmail.com,

Norhayati Umr: chayunkyatt@gmail.com, Nazli Ibrahim: nazliibrahim@gmail.com,

Norfarahidayu Baharudin: ayu\_tvs@yahoo.com

**JURUGAMBAR:** Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sappie

**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: news Selangorkini@gmail.com



# Hadi: Jihad sering jadi sebutan, tetapi tidak difahami

OLEH NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Jihad adalah sebahagian daripada ajaran Islam yang wajib dihayati oleh penganut Islam dan sepatutnya difahami dengan betul oleh semua pihak mengikut tasawurnya (gambaran sebenar), supaya tidak mencalarakan ajaran Islam.

Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, berkata biarpun jihad menjadi sebutan di kalangan umum umat Islam sejak zaman berzaman, namun masih ramai tidak memahaminya secara feqah.

"Kalau syaitan boleh masuk ke dalam hati dan saf mereka yang sedang solat berjamaah, maka syaitan lebih mudah masuk ke dalam saf mereka

yang berjihad tanpa feqahnya.

"Berjihad tanpa mendalami feqahnya, menerima padah amaran Rasulullah SAW yang membunuh dan dibunuh kedua-duanya masuk neraka, bukannya mati syahid," jelasnya.

Abdul Hadi berkata, amalan jihad tidak tertumpu kepada semangat berperang semata-mata seperti mana yang ditafsirkan oleh para orientalis musuh Islam dan mereka yang jahil.

Katanya, al-Quran dan hadis menghuraikan amalan jihad juga merangkumi proses perdamaian, manakala peperangan hanya salah satu daripada lapangan jihad.

"Al-Quran dan hadis juga menunjukkan betapa bersabar dengan teguran berani dan membina, menghadapi kera-

jaan yang zalim ketika berada dalam satu masyarakat bersama, adalah jihad akbar dengan hadis yang sahih.

Menunjukkan bahawa pendekatan jihad menghadapi kemungkaran dalam masyarakat berbeza dengan menghadapi penceroboh yang menyerang.

"Percayalah bahawa jihad tetap wajib sehingga hari kiamat, berilmu adalah wajib disertakan dengan feqahnya bagi mensahihkan amal yang wajib. Benarlah bahawa syaitan lebih mudah menggoda seratus orang lebai yang jahil daripada seorang yang berilmu. Paling bodoh ialah orang merasakan dirinya sudah cukup berilmu segala-galanya," katanya dipetik dari Laman Harakah

“

**Berjihad tanpa mendalami feqahnya, menerima padah amaran Rasulullah SAW yang membunuh dan dibunuh kedua-duanya masuk neraka, bukannya mati syahid**

**ABDUL HADI**  
Presiden PAS



## Natasha Hudson: Doa dan bantuan perlu berterusan di Gaza

**SHAH ALAM** - Masyarakat diseru untuk terus memberikan sumbangan berterusan kepada masyarakat Palestin yang terus menerus dizalimi rejim Zionist dengan angka korban hampir 600 maut dan ribuan mangsa cedera.

Selebriti dan jurucakap kepada Rose 2 Rose, Natasha Hudson berkata, sokongan dan doa kepada rakyat Palestin di Gaza perlu berterusan bagi mengurangkan penderitaan mereka di sana.

"Saya tengok setiap hari di laman sosial dan Internet apa yang terjadi di sana dan ia menjadi sesuatu yang sangat menyentuh perasaan" kata beliau.

Sehubungan dengan itu, badan NGO, Aqsa Syarif Berhad menubuhkan Rose 2 Rose bagi membantu rakyat Palestin di sana.

Penubuhan Rose 2 Rose bertujuan bagi memberi tumpuan khusus kepada wanita dan kanak-kanak Palestin bagi membela nasib mereka dalam menghadapi kekejaman tentera Israel.

Antara misi utama mereka adalah dengan menubuhkan pusat komuniti yang dikenali sebagai Wardatul Aqsa (Rose of Al Aqsar) yang bakal memainkan peranan dalam meningkatkan aspek kehidupan mereka dalam konteks keagamaan, ekonomi, kesihatan dan sosial kehidupan.

Selain daripada itu, matlamat mereka adalah khusus bagi menyampaikan maklumat yang tepat mengenai situasi di Palestin dan nasib wanita dan kanak-kanak di Gaza.



**Rose 2 Rose ditubuhkan bertujuan membela nasib wanita dan kanak-kanak Palestin**

**Sebahagian daripada tetamu yang hadir**

Program Women Pray 4 Gaza ini turut dihadiri lebih 1,500 orang wanita yang bertempat di perkarangan Masjid Negeri Shah Alam.

Antara aktiviti lain yang diadakan adalah seperti Program Diskusi Khas Muslimat yang disampaikan penceramah bebas, Ustazah Hafizah Musa yang membincangkan kisah perjuangan serta kekuatan para isteri nabi sebelum dan selepas kewafatan Baginda Rasulullah.



# Takziah kepada keluarga mangsa MH17

OLEH AFIX REDZUAN & LIZAWATI MADFA

**SHAH ALAM** - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mangsa nahas kapal terbang Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 yang terhempas di kawasan konflik timur Ukraine.

Tuanku mendoakan semoga ahli keluarga waris diberi kekuatan dan kesabaran untuk melalui hari-hari mendatang.

“Beta ingin menyampaikan rasa sangat duka cita Beta terhadap insiden yang menimpa pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17, yang mengorbankan seramai 298 nyawa.

“Beta ingin sampaikan ucapan takziah Beta kepada selu-

ruh ahli keluarga penumpang serta anak kapal MH17.

“Semoga Allah SWT berikan kekuatan dan ketabahan kepada mereka menghadapi situasi sukar ini, insya-Allah,” titah Baginda.

Sementara itu, Kerajaan Negeri turut berdukacita dengan kehilangan ahli keluarga mangsa tragedi MH17 dan berharap rakyat Malaysia, terutamanya warga kerja MAS, tabah menghadapi situasi menyedihkan ini.

“Bagi umat Islam, kejadian berlaku pada bulan Ramadan yang mulia dan penuh berkat, mengajar kita semua bersabar serta menerima ketentuan ini dengan penuh reda,” katanya dalam satu kenyataan.

Pada masa sama, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim juga berharap Kerajaan Pusat

“

**Beta ingin sampaikan rasa sangat duka cita Beta terhadap insiden yang menimpa pesawat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17, yang mengorbankan 298 nyawa.**

**Beta ingin sampaikan ucapan takziah Beta kepada seluruh ahli keluarga penumpang serta anak kapal MH17**

**SULTAN SHARAFUDDIN**  
DYMM Sultan Selangor

akan menggesa dan mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang bertanggungjawab dalam tragedi tersebut.



**DYMM Sultan Selangor menyampaikan sumbangan zakat kepada anak-anak yatim pada Majlis Berbuka Puasa di Masjid Nur Iman Serendah**

“Kita berharap kerajaan yang bertanggungjawab menerima hukuman setimpal dengan perbuatan tidak berperikemanusiaan itu,” katanya.



## Selangor sedia bantu ringankan beban waris

**PETALING JAYA** - Kerajaan Selangor sedang mempertimbangkan untuk memberikan sumbangan kepada waris-warisan penumpang pesawat MAS MH17.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail berkata, perkara itu dicadangkan kepada Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid dan akan dibawa ke mesyuarat Exco nanti.

“Ini merupakan musibah kedua yang teruk berlaku kepada MH.

“Saya menyeru rakyat Malaysia supaya mendoakan supaya Syarikat Penerbangan

Malaysia (MAS) kembali pulih dari segi prestasi dan sudut persepsi masyarakat antarabangsa kepada perkhidmatan mereka,” katanya.

Kejadian kemalangan pesawat MH17 merupakan kejadian kedua yang dialami MAS dalam tempoh empat bulan selepas kehilangan pesawat MH370 pada Mac lalu.

Rodziah menyeru kerajaan Malaysia supaya mengambil langkah-langkah perlu untuk memulihkan reputasi MAS, di samping memastikan dalang kejadian itu dibawa ke muka keadilan.

## Heret mereka yang terlibat ke pengadilan

**KUALA LUMPUR** - Dewan Rakyat akan mendesak kerjasama semua pihak terlibat membantu memburu dalang tragedi pesawat Syarikat Penerbangan Malaysia (MAS) MH17 yang ditembak jatuh mengakibatkan kematian 298 penumpangnya.

Petunjuk awal kuat menunjukkan pesawat itu ditembak jatuh peluru berpandu darat ke udara jarak sederhana di ruang udara kawasan konflik timur Ukraine pada ketinggian 10,000 meter, 17 Julai lepas.

Perisikan Amerika Syarikat menduduh Moscow mewujudkan suasana yang membolehkan pemberontak pro-Rusia menembak jatuh pesawat itu, tuduhan yang dinafikan Duta Rusia ke Malaysia Vorobyeva Lyudmila Georgievna, 22 Julai lepas.

“Bahawasanya Dewan yang mulia ini menggesa supaya siasatan terperinci dilajukan oleh badan bebas antarabangsa mengenai nahas itu dan mendesak semua pihak untuk berikan kerjasama bagi memastikan

siasatan itu dapat diselesaikan dengan segera.

“Dewan juga menuntut agar siasatan menyeluruh dibuat supaya pihak yang dipercayai bertanggungjawab melakukan jenayah terhadap kemanusiaan dengan menembak jatuh pesawat MH17, segera dihadapkan ke muka pengadilan,” kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam usulnya di sidang khas Dewan Rakyat, 23 Julai lalu.

Anggota Parlimen daripada kedua-dua belah pihak menunjukkan kesatuan berhubung tragedi Penerbangan MH17 apabila mereka berdiri dan bertafakur selama seminit untuk mengenang mangsa sebelum bermulanya persidangan khas Dewan Rakyat.

Speaker Tan Sri Pandikar Amin Mulia mewakili dewan legislatif negara berharap keluarga penumpang dan anak kapal pesawat tersebut supaya tabah serta cekal menerima takdir yang ditentukan.



Saya harap agar kita semua dapat meraikan Hari Raya Aidilfitri secara berpadu-pada dan ingatlah keselamatan semasa memandu pulang ke kampung. Saya juga berharap agar semua amalan yang kita lakukan semasa di bulan puasa ini dapat diteruskan. Selamat Hari Raya Aidilfitri untuk semua, khususnya masyarakat di Selangor daripada saya serta keluarga

**ISKANDAR ABDUL SAMAD**  
Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan & Setingan



Saya ingin mengucapkan selamat menyambut bulan Syawal dengan penuh kesyukuran dan keinsafan setelah berkursus intensif di madrasah Ramadan. Semoga kita berjaya mengekalkan momentum jadi insan yang bertakwa. Selamat Hari Raya, maaf zahir dan batin

**DR HALIMAH ALI**  
Exco Pendidikan dan Pendidikan Tinggi; Pembangunan Modal Insan

Sempena kehadiran Syawal, saya dengan rasa rendah hati bagi pihak diri, isteri dan anak-anak, mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin. Semoga amalan kita diterima Allah SWT serta mendapat rahmat dan keampunanNya. Suburkan amalan berkunjung dan bermaafan khususnya anak muda di Selangor

**DR AHMAD YUNUS HAIRI**  
Exco Belia dan Sukan; Infrastruktur dan Kemudahan Awam



Saya mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Hari Raya kepada seluruh rakyat Selangor. Hari Raya menandakan kesyukuran kita kepada Allah SWT yang mengurniakan nikmat Ramadan di samping mendidik kita membina jati diri sehingga mencapai martabat taqwa di sisi Allah SWT. Marilah kita berdoa agar Allah SWT memberi pertolongan kepada saudara seIslam di Palestin, berjuang sehingga mencapai kemenangan

**SALLEHEN MUKHYI**  
Exco Hal Ehwal Islam, Permodenan Pertanian & Pembangunan Desa

Semoga Syawal kali ini disambut dengan penuh keberkatan di samping keluarga dan sanak saudara tercinta. Bagi mereka yang balik ke kampung halaman, saya menyeru agar berhati-hati di jalan raya dan semoga selamat sampai ke destinasi

**DATUK TENG CHANG KHIM**  
Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan



Sempena menyambut hari lebaran yang bakal tiba, saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri buat semua Muslimin dan Muslimat, rakan-rakan sejawatan dalam Kerajaan, penjawat awam dan seluruh rakyat Selangor. Sambutlah hari kemenangan ini dengan kegembiraan di samping keluarga tersayang. Semoga pemuafakatan antara kita bertambah erat

**EAN YONG HIAN WAH**  
Exco Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, Pembangunan Kampung Baru & Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran

Syukur kerana diberi peluang menyambut Aidilfitri. Namun dalam kemeriahan itu, semoga kita tidak lupa nasib saudara kita di bumi Gaza, Palestin dan keluarga mangsa nahas tragedi MH17 dan MH370. Marilah kita berdoa agar mereka semua diberi perlindungan, kekuatan dan ketabahan dalam mengharungi ujian ini

**GANABATIRAU**  
Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan & Kerajaan Prihatin



Selamat Menyambut Hari Raya 'Idulfitri untuk seluruh warga Selangor. Marilah bersama hadapi cabaran mendatang. Sesungguhnya kita berupaya menjadi masyarakat positif, lazim mendahulukan yang lain, dan bercita-cita menjadi insan yang sentiasa menghulurkan kebaikan daripada menerima kebaikan orang lain. Persaudaraan itu amanah, maaf zahir & batin

**RODZIAH ISMAIL**  
Exco Kebajikan & Hal Ehwal Wanita Negeri Selangor

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri Maaf Zahir dan Batin kepada seluruh rakyat Malaysia, terutamanya umat Islam di Selangor. Semoga kedatangan Aidilfitri ini akan mengukuhkan perhubungan persaudaraan sesama umat Islam dan bukan Islam di Malaysia. Berhati-hati memandu dan semoga selamat tiba di destinasi. Kebajikan anda keutamaan kami

**ELIZABETH WONG**  
Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna & Alam Sekitar



Salam Aidilfitri. Pada hari yang mulia dan penuh berbahagia ini, dalam kerendahan hati, saya mohon kemaafan atas setiap kekhilafan sama ada sengaja mahupun tidak. Semoga sambutan Hari Raya tahun ini memberi makna yang baik dari tahun sebelumnya. Juga janganlah kita lupa, leka dan alpa untuk terus mendoakan kesejahteraan saudara kita di bumi Gaza. Sesungguhnya nasib mereka tidak sebaik kita.

**DR DAROYAH BINTI ALWI**  
Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi & Inovasi

Selamat Menyambut Hari Raya Aidilfitri. Semoga selamat perjalanan balik ke kampung. Hati-hati bila memandu

**HANNAH YEOH**  
Speaker DUN



Selamat Hari Raya Aidilfitri, Minal Aidil Wal Faizin kepada semua Muslimin dan Muslimat. Maaf Zahir dan Batin, semoga barakah Ramadan yang dilalui menjadikan kita insan yang lebih baik, insya-Allah.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**  
Timbalan Speaker DUN

# Hasilkan 100 jenis kuih raya setiap tahun



OLEH NORFARAHIDAYU BAHARUDIN

**M**embuat 100 jenis kuih raya setiap tahun merupakan satu perkara biasa bagi sadiq Skim Mikrokredit Selangor (Skimsel), Siti Akmaliah Shuhaimi, 28.

Ibu kepada sepasang cahaya mata ini memulakan perniagaan sejak tahun 2005, di mana pada ketika itu beliau baru sahaja berusia 19 tahun.

“Saya mulakan perniagaan pada tahun 2005 kerana pada masa itu saya ingin tolong ibu tambah pendapatan, selain bantu ibu besarkan adik-adik saya.” jelasnya.

Anak sulung daripada 7 beradik ini bertekad untuk memulakan perniagaan menjual kuih bahulu setelah mengalami beberapa kegagalan di dalam perniagaan.

Akma mengambil inisiatif sendiri untuk mempelajari membuat kuih bahulu dengan bekerja di Semeniyih.

Pada tahun 2005, Akma memulakan langkah pertamanya dengan menjual bahulu secara kecil-kecilan di setiap pasar malam, sekaligus mendapatkan pandangan orang ramai untuk memperbaiki kuih bahulu buatannya.

“Selama setahun saya berniaga di setiap pasar malam, di mana pada ketika itu saya turut benarkan orang ramai merasa kuih bahulu saya. Tetapi alham-



**Siti Akmaliah menunjukkan pelbagai jenis biskut raya yang dihasilkan kilang miliknya**

dulilah... pada 2006, saya terima tawaran dari kedai borong untuk menyediakan kuih bahulu kepada mereka,” tambahnya.

Bukan itu sahaja, pada tahun 2006 juga Akma membuka kedai pertama. Hasil daripada sokongan keluarga dan rakan-rakannya. Akma akhirnya diperkenalkan kepada Skimsel.

“Pada 2011, saya mula buka kedai ini, di mana pada tahun itu juga rakan-rakan mengajak saya untuk buat pinjaman Skimsel.

“Saya buka kedai pada Jun 2011 dan buat pinjaman pada oktober 2011. Alhamdulillah... hasil daripada pinjaman tersebut saya gunakan untuk beli per-

alatan, sekaligus membuat pusingan modal berbuah hasil yang baik apabila saya mampu menyewa dua lagi kedai.” katanya.

Akma akui dia, hanya membuat pinjaman sepenuhnya dengan Skimsel kerana Skimsel memudahkan perniagaannya selain tidak mengenakan kadar faedah serta proses pinjamannya juga cepat.

Pinjaman bernilai RM3 ribu digunakan sebaiknya sebelum membuat pinjaman kedua sebanyak RM5 ribu, pinjaman ketiga RM10 ribu dan pinjaman keempat RM20 ribu.

“Pada saya Skimsel cukup membantu perniagaan saya yang baru menampak. Kalau nak diikutkan pinjaman Skimsel lebih baik berbanding bank kerana kita bukan sahaja dapat pinjaman tanpa faedah, kita juga diberikan kursus perniagaan,” tambahnya.

Memilih kombinasi nama anaknya, akhirnya Aisyhana Cookies & Food Industries untuk dijadikan nama syarikat.

Akma berkata, kini perniagaan bahulu dibuat untuk tempahan perkahwinan dan sebagai kuih raya.

“Saya pilih bidang ini kerana ada pelanggan tetap, tanpa per-



lu tercari-cari pelanggan baru.

“Kini saya punyai hampir 300 agen dan stokis yang menjual kuih raya saya. Bahulu yang dihasil juga kini mempunyai pelbagai jenis bentuk dan perisa,” jelasnya.

Kini Akma memiliki 3 lot sewaan kedai untuk dijadikan kedai dan kilang untuk memproses pembuatan kuih dan bahulu selain memiliki hampir 40 pekerja.

Akma turut mengadakan kelas teknik menjual dan teknik peningkatan jualan untuk para stokis dan ajennya. Sekiranya anda berminat untuk menjadi stokis mahupun agen kepada Aisyhana Cookies & Food Industries, anda boleh hubungi Akma di talian 019-3218879 atau anda

“

**Saya mulakan perniagaan pada tahun 2005 kerana pada masa itu saya ingin tolong ibu tambah pendapatan, selain bantu ibu besarkan adik-adik saya**

**SITI AKMALIAH SHUHAIMI**  
Pemilik Kedai



**Pekerja Aisyhana Cookies & Food Industries, tekun menyiapkan tempahan**

#### AI SYHANA COOKIES

Kepada mereka yang berminat :  
Mahu menjadi **Stokis** atau **Agen** kepada **Aisyhana Cookies & Food Industries**

Turut mengadakan kelas teknik menjual dan teknik peningkatan jualan untuk para stokis dan ajenna

**019 - 321 8879**

boleh ke facebook Aisyhana Cookies & Food Industries.

Anda yang tinggal berhampiran Bandar Tasik Puteri, rawang juga boleh membeli terus dari kedainya apa jua jenis kuih raya yang anda mahukan. Harga jualan kuih bermula dari RM15.90 hingga RM30 sahaja.

# RM1.088 juta bangun Maahad Tahfiz



Sebahagian daripada anak-anak tahfiz yang mengambil bahagian dalam program hufaz di Masjid Negeri

OLEH AFEEQA AFEERA

**SHAH ALAM** - Sejumlah RM1.088 juta disumbangkan Kerajaan Selangor kepada Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran negeri Selangor (PITAS) bagi tujuan pembangunan Sekolah Maahad Tahfiz di negeri ini.

Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, berkata Kerajaan Negeri sentiasa menggalakkan anak-anak muda untuk membaca dan menghafal al-Quran.

“Pada 2008, kita wujudkan Maahad Integrasi Tahfiz Sains di Jugra dan sekarang Selangor sudah memiliki tiga buah maahad tahfiz dan bercadang untuk

tambah lebih banyak lagi.

“Kerajaan Negeri berbesar hati bersama-sama dengan PITAS untuk mengembang dan memperjuangkan seramai mungkin anak-anak Selangor yang mampu membaca al-Quran dengan baik kerana ia adalah sumber ilmu,” katanya semasa merasmikan Hari Hufaz Selangor kali kelapan di Masjid Negeri, baru-baru ini.

Pada majlis itu, lebih 300 orang pelajar tahfiz dari seluruh negeri Selangor mengalunkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran secara hafazan.

Kerajaan Negeri berusaha untuk mewujudkan satu Maahad Integrasi Tahfiz Sains di setiap daerah di bawah kelolaan

Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

Serentak dengan itu, graduan tahfiz turut diberi peluang menyertai program pendidikan ‘fast-track’ anjuran Yayasan Pendidikan Islam Selangor (YAPIS) dan Universiti Selangor (UNISEL).

“Kita banyak dengar keluhan daripada anak-anak yang sudah habis hafazan hendak ke mana, bagaimana mahu bina kerjaya mereka.

“Justeru pada tahun 2010, kita mulakan satu konsep di mana program Unisel-Yapis Fast Track diwujudkan untuk beri peluang kepada pelajar tahfiz bina kerjaya mereka,” katanya lagi.

**Jemputan**

ke Majlis Rumah Terbuka  
**Aidilfitri**

YAB Dato' Menteri Besar Selangor  
& Kerajaan Negeri Selangor

**1 Syawal 1435h (Hari Raya Pertama)**  
**11.00 Pagi - 2.00 Petang**

**Dataran Dewan Negeri Selangor**  
Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
Shah Alam

Dengan Kerjasama:

PERMODALAN  
NEGERI SELANGOR BERHAD  
120434319

**Orang ramai dijemput hadir**



**NIKMAT...** Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail, mengagihkan makanan ke dalam bekas, sebelum diberikan kepada golongan kurang berkemampuan. Sebanyak 3,000 bungkus makanan disediakan oleh kariah Masjid Kampung Lindungan dengan kerjasama Ahli Majlis Zon 24 Petaling Jaya sewaktu Program Dapur Berpusat 'Makanan Sihat Seisi Keluarga'

## MPSJ bantu 720 fakir miskin

OLEH NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Seramai 720 orang fakir miskin dan golongan orang kurang upaya (OKU) serta ibu tunggal menerima RM200 daripada Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) bagi membantu mereka meraikan Aidilfitri.

Timbalan Pengarah Korporat MPSJ, Muhammad Azli Miswan berkata sebanyak RM300,000 disediakan setiap tahun bagi tujuan kepedulian rakyat melalui Program Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB).

"Tahun ini, penyampaian sumbangan bagi tahun 2014 diberikan dalam bentuk wang tunai sahaja iaitu sebanyak RM200 kepada setiap penerima. Seramai 30 penerima bagi setiap JKP dengan jumlah keseluruhan penerima adalah 720 orang dengan jumlah keseluruhan sumbangan sebanyak RM144,000," kata Azli.

Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail menyampaikan sumbangan di majlis tahun ini. Hadir sama Yang Dipertua MPSJ, Datuk Asmawi Kasbi dan Timbalannya, Abdullah Marjunid.

**"Tahun ini, penyampaian sumbangan bagi tahun 2014 diberikan dalam bentuk wang tunai sahaja iaitu sebanyak RM200 kepada setiap penerima. Seramai 30 penerima bagi setiap JKP dengan jumlah keseluruhan penerima adalah 720 orang"**

**MUHAMMAD AZLI**  
Timbalan Pengarah Korporat MPSJ

Selain itu, sumbangan hamper dan baucer turut diberikan kepada lima orang wakil anak yatim daripada Sekolah Agama Pintar Al-Amin dan Sekolah Menengah Maahad Sains Tahfiz

Program itu juga mendapat kerjasama Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) daripada tiga agensi iaitu Giant Subang Jaya, Sunway Pyramid, Bandar Sunway dan F&N Beverages Marketing Sdn.Bhd.



### MAJLIS PERBANDARAN SEPANG

Persiaran Semarak Api, Cyber 1  
63200 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

1. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor Bumiputera yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan, Pusat Khidmat Kontraktor Dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dalam Gred Kategori dan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

Bil	No.Tender	Tajuk Kerja	Bidang, Sub Bidang & Pecahan Bidang	Harga Dokumen
1	MP Sepang 400-10/12-22 /2014BGN	Cadangan Kerja – Kerja Membina Dan Menyiapkan 1 Unit Dewan Orang Ramai Di Taman Putra Prima Puchong Untuk Majlis Perbandaran Sepang	Berdaftar Dengan CIDB	RM300.00
2	MP Sepang 400-10/12-23 /2014BGN	Cadangan Kerja – Kerja Membina Dan Menyiapkan 1 Unit Dewan Orang Ramai Di Taman Dahlia Bandar Baru Salak Tinggi Untuk Majlis Perbandaran Sepang	Memegang Perakuan Perdaftar Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera yang masih sah	RM300.00
3	MP Sepang 400-10/12-24 /2014BGN	Cadangan Kerja – Kerja Menaiktaraf Dan Penyelenggaraan Pasar Awam Dengkil Untuk Majlis Perbandaran Sepang	G3 Kategori CE Pengkhususan CE21 ATAU G3 Kategori B Pengkhususan B04 DAN Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)	RM300.00

2. Dokumen Tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Jabatan Khidmat Pengurusan (Bahagian Pengurusan Perolehan)**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **11hb Ogos 2014 hingga 21hb Ogos 2014** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan).

3. Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan Surat Lantikan Wakil, sijil pendaftaran asal CIDB, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan serta Sijil Taraf Bumiputera asal. Bayaran hendaklah secara **Tunai, Wang Pos atau Bank Draf** di Kaunter Bayaran Majlis Perbandaran Sepang.

4. Kontraktor-kontraktor adalah diwajibkan untuk membuat lawatan tapak bersama Pegawai Penguasa atau wakilnya. Hanya penender yang hadir pada lawatan tapak tersebut sahaja yang layak untuk memasuki tawaran ini. Penender dikehendaki melaporkan diri ditempat, tarikh dan masa seperti tersebut :-


**Tarikh** : 07hb Ogos 2014  
**Masa** : 10.00 pagi.  
**Tempat Berkumpu** : Bilik Melati, Tingkat 1, Majlis Perbandaran Sepang

5. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada jam 12.00 Tengahari pada 21hb Ogos 2014. Segala pertanyaan dan kemusykilan hendaklah dikemukakan ke Jabatan Bangunan (03-83190200 ext 807), Majlis Perbandaran Sepang, Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63200 Cyberjaya.

6. Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau memberi apa - apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.



**Baru-baru ini MPAJ meneruskan program Jelajah Kasih Ramadan 2014, dengan meraikan anak-anak yatim Al-Ijabah, Puchong di pusat membeli belah Mydin USJ**



## Allahuakbar Allahuakbar Allahuakbar

Ya Allah Tuhan Sekalian Alam, Tuhan Maha Besar  
 Tuhan Maha Kaya, terimalah ibadah kami  
 sepanjang bulan Ramadan yang baru berlalu,  
 terimalah solat kami, tarawih kami,  
 tadarus kami, infak kami.

Ya Allah Tuhan Yang Maha Pengampun,  
 terimalah taubat kami, ampunkan kami,  
 ampunkanlah semua dosa kami  
 dan dosa ibu bapa kami.

Ya Allah Tuhan Di Hari Kebangkitan,  
 kasihanilah kami  
 jadikan kami hambaMu yang selamat dari api neraka

Ya Allah Ar-Rahman Ar-Rahim  
 jadikanlah kami hambaMu yang sentiasa bersyukur  
 dengan nikmatMu,  
 berikanlah kami kebaikan di dunia dan di akhirat

Makbulkanlah doa kami


Amin.

## Selamat Hari Raya Maaf Zahir dan Batin

Daripada

Ahli Perbadanan, Pengurus Besar dan Kumpulan Pengurusan, Syarikat Anak serta seluruh warga kerja





**SEDAP...** Salmiah Mahmood, 62, dengan ditemani suami, Issari Sulaiman, 52, melayan pelanggan di gerai lemang milik beliau. Lemang milik pasangan suami isteri ini laris dan menanti permintaan yang semakin meningkat menjelang Aidilfitri

Rumah terbiar di hari cuti jadi tempat biak aedes

## PBT minta penduduk bantu usaha perangi denggi

OLEH HAFIZAN TAIB

**SHAH ALAM** - Masyarakat perlu memainkan peranan proaktif dalam menjaga kebersihan demi memastikan wabak demam denggi di Selangor yang berlaku dengan kadar tinggi dapat ditangani secara berkesan.

Timbalan Pengarah Korporat dan Pembangunan Komuniti Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Shahrin Ahmad berkata, kes denggi sering meningkat selepas musim perayaan yang panjang kerana penduduk tidak membersihkan persekitaran rumah dan menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes.

"Tindakan yang boleh diambil ialah meletak ubat pem-

**JKN Selangor mempunyai bilik gerakan Pejabat Kesihatan Daerah di seluruh Selangor bagi membantu pemantauan penularan denggi. Masyarakat boleh meng-hubungi bilik gerakan itu di 03-5123 7251/7252 sekiranya ada aduan.**

bunuh jentik-jentik ke dalam bekas yang boleh menampung air, menghapuskan semua barangan buruk disimpan di luar rumah dan menghapuskan tempat longgokan sampah se-

perti tin kosong, bekas polisterin, botol, tayar buruk dan lain-lain bekas yang boleh menakung air," kata Shahrin.

Bilik Gerakan Pantas MB-SA akan beroperasi 24 jam dan boleh dihubungi di 03-5510 5811 sekiranya ada aduan.

Di peringkat negeri, Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKN Selangor) berkata orang awam memainkan peranan penting dalam pembasmian atau penuluran wabak itu.

Dari statistik dari bulan Januari hingga ke 12 Julai lepas, situasi terkini mencatatkan sebanyak 34 kematian dan 27,627 kes akibat denggi berlaku di Selangor.

"Orang ramai diminta mengambil langkah perlu dan menjaga kebersihan dalam menghin-

dari wabak demam denggi itu.

"Kebersihan di persekitaran tempat tinggal perlu dipelihara demi memastikan pembiakan nyamuk aedes dapat ditangani secara berkesan dan berterusan," kata JKN Selangor dalam satu kenyataan.

JKN Selangor mempunyai bilik gerakan Pejabat Kesihatan Daerah di seluruh Selangor bagi membantu pemantauan penularan denggi.

Masyarakat boleh hubungi bilik gerakan itu di 03-5123 7251/7252 sekiranya ada aduan.

Kementerian Kesihatan turut melancarkan Perangi Aedes Habis-Habisan bagi memastikan penularan denggi dapat dibendung melalui satu pelan tindakan bersepadu melibatkan pel-

bagai kementerian dan agensi bertanggungjawab.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata antara tindakan yang dilaksanakan adalah melancarkan sistem pelaporan dan kaedah diagnosis serta mobilisasi 77 pasukan kawalan denggi membabitkan 265 anggota.

"Pelaksanaan Pelan Tindakan Bersepadu tertumpu kepada lembah Klang terutama empat daerah di Selangor iaitu Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Klang.

"Pelaksanaan pelan ini akan dipantau dengan rapi bagi memastikan ianya dilaksanakan dengan berkesan untuk mengurangkan kes denggi dalam tempoh dua bulan ini," katanya.